



**JOURNAL OF TOURISM,  
HOSPITALITY AND  
ENVIRONMENT MANAGEMENT  
(JTthem)**  
[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



**STRATEGI PEMBANGUNAN KARAKTER DI KALANGAN  
ORANG ASLI DI MALAYSIA**

*CHARACTER DEVELOPMENT STRATEGIES AMONG INDIGENOUS PEOPLE  
IN MALAYSIA*

Muhamad Jasri Ishak<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan, Perak.  
Email: jasri.ishak@fsk.upsi.edu.my

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.07.2021

Revised date: 16.08.2021

Accepted date: 30.09.2021

Published date: 31.10.2021

**To cite this document:**

Ishak, M. J. (2021). Strategi Pembangunan Karakter Di Kalangan Orang Asli di Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 28-35.

**DOI:** 10.35631/JTthem.625003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Orang asli di Malaysia merupakan salah satu kumpulan bumiputera yang ketinggalan di belakang dalam pembangunan negara. Pelbagai usaha dan peruntukan dari kerajaan mahupun bukan kerajaan telah disalurkan. Namun orang asli masih lagi tidak mampu berdikari sendiri. Kajian ini menjelaskan sikap dan karakter yang ada pada masyarakat orang asli dan mencadangkan strategi membangunkan karakter agar segala program pembangunan yang dirancang dapat menghasilkan kejayaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen secara deskriptif. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa karakter negatif orang asli dapat diatasi dengan mencetuskan keyakinan diri (*self efficacy*) dalam diri mereka. Strategi pembangunan karakter mereka perlu bermula dari pendidikan di peringkat sekolah lagi. Orang asli yang telah berjaya dijadikan *role model* dalam setiap program yang hendak dilaksanakan. Selain itu, strategi juga perlu melibatkan keluarga dan ketua kampung sebagai pendorong karakter yang baik. Kajian ini dapat menyumbang kepada perkara asas dalam melaksanakan program pembangunan orang asli di Malaysia.

**Kata Kunci:**

Karakter; Pembangunan Karakter; Orang Asli

**Abstract:**

The indigenous people (*orang asli*) in Malaysia are one of the *Bumiputera* groups that are left behind in the development of the country. Various efforts and allocations from government and non-government have been channelled to them, yet *orang asli* are still unable to stand on their own. This study describes the attitudes and characters that exist in indigenous communities and proposes strategies to develop character so that all development programs designed can lead to success. This study uses a qualitative method through descriptive document analysis. The results of this study show that the negative character of *orang asli* can be overcome by triggering *self-efficacy* in themselves. Their character development strategies need to start from education at the school level. *Orang asli* who are successful in their life must act as role models and participate in every program to be implemented. In addition, the strategy should also involve family and chief of village as a motivator towards good character. This study can contribute to the foundation in implementing *orang asli* development programs in Malaysia.

**Keywords:**

Character; Character Development; Indigenous People

**Pengenalan**

Orang asli adalah satu istilah merujuk kepada salah satu kumpulan etnik yang tinggal di Malaysia khususnya di sebelah Semenanjung Malaysia. Orang asli terdiri daripada 18 subetnik yang terkumpul dalam tiga kumpulan etnik besar *senoi*, *melayu proto* dan *negrito* (Mustapha & Idris, 2013). Menurut seksyen 3, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) Orang Asli ditakrifkan sebagai bapanya orang asli, anak angkat orang asli dan ibunya orang asli yang mengamalkan cara hidup, budaya, adat dan bercakap bahasa orang asli. Masyarakat orang asli sejak dahulu lagi bergantung kepada hasil hutan seperti memburu, menangkap ikan, penanaman padi bukit dan mengutip rotan. Kehidupan harian mereka sekadar cukup untuk meneruskan kelangsungan hidup dan mereka tergolong golongan yang termiskin di Malaysia (Wahab et al., 2020).

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, adalah sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi merancang dan melaksanakan pelan pembangunan bagi masyarakat orang asli di Malaysia. Segala program, aktiviti dan kajian sama ada dari individu dan badan bukan kerajaan haruslah mendapat kebenaran dari JAKOA terlebih dahulu sebelum dapat dijalankan. Ini bagi memastikan tiada penganiayaan dan eksploitasi terhadap masyarakat orang asli. Kerajaan melalui JAKOA telah melaksanakan program kemajuan kepada masyarakat orang asli sejak penggubalan Akta Orang Asli. Peruntukan setiap tahun diberikan melalui JAKOA untuk diagihkan kepada masyarakat orang asli. Peruntukan yang merangkumi sektor perancangan dan pendidikan, pembangunan modal insan dan kebajikan, dan pembangunan sosio-ekonomi. Sebanyak RM81 juta telah diagihkan pada tahun 2019 (JAKOA). Walaupun pelbagai peruntukan dan pelaksanaan program dijalankan kepada masyarakat orang asli, namun masyarakat ini masih lagi dianggap ketinggalan dalam arus pembangunan (Rahman et al. 2021).

Dari sudut pendidikan, masyarakat orang asli mengalami kadar berhenti dari sekolah yang tinggi. Statistik merekodkan orang asli yang berhenti persekolahan pada tahun 2006: 34.50%;

2007: 36.10%; 2008: 31.77%; dan 2009: 29.02% (Rahman et al. 2021 dan Wahab et al. 2020). Manakala dari segi pembangunan sosio-ekonomi, masyarakat orang asli masih lagi menyumbang kepada kadar kemiskinan yang tinggi. Kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar masyarakat orang asli pada tahun 2000 adalah 81.45% dan 48.85%. Kadar ini menurun kepada 50.9% dan kadar kemiskinan tegar turun kepada 15.4% dalam tahun 2005 (Manaf dan Ibrahim, 2017). Walaupun kadar kemiskinan menurun setiap tahun, masyarakat Orang Asli menyumbang 90% dari kadar kemiskinan di Malaysia (Islam et al. 2017) dan meningkat akibat dari kesan globalisasi dunia (Hatta dan Ali, 2013). Program pembangunan memerlukan kepada kemampuan membuat keputusan dari kalangan orang asli itu sendiri. Namun, masyarakat orang asli dianggap tidak mampu membuat keputusan sendiri dan amat bergantung kepada panduan, kewangan dan perlindungan dari pihak berkuasa (Subramaniam, 2011; Mustapha dan Idris, 2013). Justeru, strategi pembangunan karakter perlu diaturkan agar semua program yang dilaksanakan berjaya dan masyarakat orang asli mampu berdikari dan membuat keputusan dalam program pembangunan mereka. Oleh yang demikian, melalui kaedah kualitatif dengan menganalisa dokumen, kajian ini berusaha mengenalpasti strategi untuk membangunkan karakter orang asli dalam menyokong pembangunan jati diri mereka. Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada pelan pembangunan masyarakat orang asli dengan memasukkan elemen karakter dalam setiap program yang ingin dilaksanakan oleh pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan orang perseorangan.

### Memahami Teori Karakter

Karakter memainkan peranan penting dalam mengejar impian dan cita-cita seseorang. Untuk berjaya, maka faktor yang menggerakkan seseorang mestilah lebih kuat dari halangan yang ditempuhi. Mengatasi halangan dengan karakter diri yang kuat dan menempis faktor penghalang akan menghasilkan kejayaan yang diidamkan oleh seseorang (Rabahi et al., 2017). Menurut pandangan Tomkins (1987) terdapat dua skrip yang akan mendorong seseorang menjadi berjaya; komitmen skrip dan nuklear skrip. Komitmen skrip menjadikan seseorang lebih keupayaan untuk mengurus dan merancang kehidupannya. Ini bermaksud, seseorang itu mempunyai keyakinan diri dan mempunyai pemikiran positif dan mencari langkah untuk terus berjaya dan mencapai cita-cita. Seseorang yang mempunyai cita-cita yang jelas akan bekerja keras, sabar dan mempunyai jati diri yang kuat untuk berjaya. Mereka sanggup mengorbankan keseronokan sementara demi mencapai cita-cita mereka (Mustapha dan Idris, 2013). Manakala, seseorang yang mempunyai nuklear skrip akan mudah berputus asa dan tidak bersungguh-sungguh dalam mengejar cita-cita. Mereka lebih banyak bergantung kepada orang lain untuk mencapai cita-cita. Lebih banyak kebimbangan dan kurang berkeyakinan wujud dalam diri mereka. Malah fikiran negatif seperti kegagalan sentiasa bermain di fikiran mereka. Oleh yang demikian, sifat-sifat seperti ini menyebabkan mereka tidak berjaya dalam kehidupan mereka (Walid et al., 2017).

Menurut Teori Kognitif Sosial Bandura (1986), keupayaan diri (*self-efficacy*) adalah penting dalam menghasilkan tindakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Keupayaan diri ini akan mengawal pemikiran, perasaan dan mendorong perbuatan untuk dilaksanakan. Kepercayaan penuh kepada keyakinan diri ini akan mencetuskan seseorang itu untuk merancang dan mengurus dengan baik segala perancangan agar menghasilkan kejayaan (Mustapha dan Idris, 2013). Walaupun begitu, perlu difahami perbezaan antara harga diri (*self-esteem*) dan keupayaan diri (*self-efficacy*). *Self-esteem* atau dalam Bahasa Melayu disebut harga diri bermaksud suatu perasaan merasakan diri itu bernilai manakala *self-efficacy* (keupayaan diri)

bermaksud seseorang merasakan diri itu mampu melakukan dan berkeupayaan untuk bertindak yang menghasilkan sebab-sebab yang diperlukan untuk berjaya (Rabahi et al., 2017). Mereka percaya bahawa mereka sendiri yang boleh mengawal kehidupan mereka. Seseorang yang mempunyai sifat keupayaan diri yang kuat akan tidak berputus asa dan terus bertahan demi mencapai kejayaan. Seseorang yang mempunyai keupayaan diri yang lemah pula lebih mudah berputus asa dan percaya segala kerja dan tugas menjadi susah untuk dicapai. Ini membawa kepada lemah perancangan dan tekanan peasaan yang tinggi (Yusof et al., 2019).

Schunk (1996) menjelaskan bahawa pengalaman pembelajaran membentuk keupayaan diri seseorang. Jika seseorang memahami bahawa susah untuk mempelajari sesuatu maka ia akan menyebabkan kurang keupayaan diri untuk belajar. Manakala jika dia percaya bahawa dia boleh belajar maka keupayaan diri meningkat dan mampu bertindak untuk mempelajarinya. Selain itu, keupayaan diri juga dibentuk melalui kekuatan diri melawan halangan dalaman dan luaran (Mustapha dan Idris, 2013). Rotter (1966) mengatakan bahawa terdapat dua jenis halangan iaitu kekuatan dalaman (*internal locus*) dan kekuatan luaran (*external locus*). Seseorang yang berjaya dikatakan mempunyai *internal locus* yang tinggi dan berjaya mengatasi halangan dalaman untuk mencapai matlamat. Dia akan sentiasa menilai kelemahan diri dan berusaha untuk membaiki dan mengatasi kelemahan. Dia akan belajar dari kelemahan dan kegagalan dan mencari jalan bagi mengatasinya. Sifat begini akan membawa kejayaan. Sebaliknya pula, orang yang kurang berjaya, dikatakan mempunyai *external locus* yang tinggi, di mana dia banyak menyalahkan faktor luaran dan orang lain atas kegagalannya. Dia tidak melihat kelemahan diri sendiri sebaliknya lebih gemar menyalahkan orang lain seperti menyalahkan pesaing, pihak berkuasa dan kemudahan yang tidak mencukupi (Abdul Ghafar Don et al. 2019).

### **Strategi Pembangunan Karakter Orang Asli**

Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan sama, tidak mengerti apa-apa dan membesar serta mempelajari hari demi hari sehingga dewasa. Pelajaran dan pengalaman yang diperolehi hari ini mencetuskan langkah untuk hari kemudian. Sekiranya pengalaman yang dipelajari positif dan diterima dengan pemikiran positif, maka akan mencipta kejayaan ke peringkat seterusnya. Sebaliknya, jika pelajaran dan pengalaman negatif dan tidak memberangsangkan akan melemahkan keupayaan untuk mencipta kejayaan. Berikut merupakan langkah dan strategi dalam membentuk keupayaan diri *self- efficacy* masyarakat orang asli dalam mencetuskan perubahan pembangunan karakter mereka.

### **Pendidikan**

Pendidikan adalah penting dalam proses pembangunan diri bagi setiap individu. Pendidikan bermula dari kelahiran dan diperolehi dari ibu bapa. Pendidikan formal di Malaysia khususnya bermula dari peringkat Tadika (umur 5 dan 6 tahun). Seterusnya peringkat sekolah rendah (berumur dari 7 tahun hingga 13 tahun). Peringkat seterusnya pula sebelum menjejaki ke peringkat pengajian tinggi adalah peringkat menengah (berumur dari 13 tahun hingga 17 tahun) (Sulaiman et al., 2020). Peningkatan pendaftaran di peringkat tadika dan sekolah rendah dikalangan orang asli perlu diambil peluang berbanding dengan pengurangan pendaftaran diperingkat sekolah menengah (Singar dan Zainuddin, 2017). Maka peluang harus diambil diperingkat sekolah rendah dengan menanamkan kaedah dan teknik pembelajaran yang baik bagi menghasilkan sifat keyakinan diri dalam diri orang asli. Guru harus memainkan peranan dengan menekankan keupayaan dan keyakinan diri murid (Singar dan Zainuddin, 2017). Guru

yang sentiasa memuji dan memberi dorongan ke atas usaha murid dalam aktiviti di sekolah membantu meningkat semangat ingin belajar mereka (Bishop et al., 2012). Sifat malu, pasif dan sensitif orang asli harus diatasi dalam setiap aktiviti pembelajaran (Vanitha Thanabalan et al., 2014). Berikan mereka keseronokan pergerakan dan banyakkkan aktiviti fizikal yang merupakan didikan dan pengalaman yang mereka perolehi bersama ibu bapa dan rakan mereka sejak kecil (Noriati, et al. 2011).

Rahman et al. (2021) mencadangkan kepada masyarakat orang asli pendidikan berasaskan kediaman (*Home Based Education*) bagi menggalakkan pembelajaran dan menyemai keyakinan diri dalam pelajar orang asli. Melalui model *Home Based Education* ini, ibubapa orang asli diberi peluang dan pilihan untuk merancang kurikulum pembelajaran dan nilai yang baik yang diinginkan untuk pembelajaran anak mereka. Mereka bekerjasama dengan pihak sekolah dalam merancang aktiviti dan melaksanakan program pembelajaran. Pelajar yang terlibat dalam kajian model *Home Based Education* menunjukkan penyertaan yang baik dalam aktiviti ko-kurikulum, eksperimen makmal sains, literasi dan numerasi (Rahman et al., 2021).

### **Contoh Ikutan (*Role Model*)**

Strategi pendekatan *role model* adalah satu strategi memperlihatkan contoh kejayaan orang lain untuk diikuti (Kumarsir dan Shah, 2020). *Role model* boleh mencetus keyakinan diri dalam mengejar kejayaan di kalangan orang asli. Strategi pendekatan *Role model* dapat dijelaskan sebagai cita-cita dan impian yang boleh dicapai dan boleh menjadi kenyataan. Ia melenyapkan pemikiran yang negatif berkenaan ketidakmampuan untuk berubah. Bagi merealisasikan keyakinan diri yang kuat, *role model* di kalangan orang asli amatlah diperlukan (Abas et al., 2020). Menurut data terbuka JAKOA, seramai 644 pelajar orang asli berada di universiti awam di seluruh Malaysia. Jumlah mereka yang ramai ini perlu dimanfaatkan dan dijadikan *role model* kepada masyarakat orang asli. Setiap program yang hendak dilaksanakan perlu melibatkan mereka secara langsung. Pengalaman mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dapat dikongsikan bersama masyarakat seterusnya mencetuskan semangat keyakinan diri dalam masyarakat orang asli.

Selain dari *role model* sektor pendidikan, sektor perniagaan dan sosio-ekonomi juga perlu menonjolkan *role model* kepada masyarakat orang asli. Menurut data terbuka dari JAKOA, dari tahun 2011-2015, bilangan usahawan orang asli yang berjaya dilahirkan adalah 534 orang bagi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Bilangan usahawan ini terus meningkat dan data pada tahun 2018 menunjukkan bahawa bilangan usahawan lelaki dan wanita orang asli mencecah 1000 orang. Contoh usahawan orang asli yang berjaya ini perlu diterapkan dalam setiap aktiviti pembangunan yang dijalankan untuk orang asli. Perkongsian pengalaman mereka yang berjaya boleh menjadi perangsang kepada keyakinan masyarakat orang asli. Mereka yang berjaya boleh mengambil rakan-rakan orang asli yang mempunyai keinginan menjadi usahawan sebagai bidang pekerjaan mahupun rakan kongsi dalam perniagaan. Ini akan menjadikan keyakinan diri mereka untuk berjaya seperti rakan mereka meningkat. Justeru, setiap program pembangunan yang ingin dilaksanakan perlu kepada penglibatan orang asli yang telah berjaya (Abas et al., 2020).

### **Peranan Keluarga dan Ketua Kampung**

Menurut Mustapha dan Idris (2013), peranan keluarga dan ketua kampung mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk keyakinan diri orang asli. Kajian mereka mendapati

(93.2%) bersetuju bahawa keluarga memainkan peranan besar dalam mempengaruhi gerak kerja mereka. Manakala, lebih separuh dari mereka (55.2%) bersetuju bahawa ketua kampung juga dapat mempengaruhi kepada pembangunan kerjaya dan halatuju masa depan mereka.

Oleh yang demikian, ahli keluarga dalam masyarakat orang asli perlu diberi pendedahan berkaitan kemajuan dan program yang ingin dilaksanakan. Sekiranya keluarga dapat memahami kepentingan pembangunan dan kebaikannya, mereka boleh menggalakkan ahli keluarga mereka terlibat dalam agenda pembangunan dan menaikkan semangat keyakinan diri bagi menghadapi segala ujian dan halangan dalam mengejar kejayaan. Ketua kampung juga perlu dilibatkan dalam semua aktiviti pembangunan. Pemilihan ketua yang berwibawa dan bercita-cita tinggi akan menyuntik semangat keyakinan diri masyarakat orang asli kerana ketua kampung ialah orang yang dihormati dan disegani oleh mereka. Oleh hal yang demikian, agensi kerajaan seperti JAKOA mengenakan peraturan bahawa sebarang program dari luar yang ingin dijalankan bersama masyarakat orang asli perlu mendapat kebenaran JAKOA dan ketua kampung yang terlibat. Justeru, dengan galakkan yang diberikan oleh keluarga dan ketua kampung dapat meningkatkan keyakinan diri *self-efficacy* masyarakat Orang Asli dalam agenda pembangunan karakter yang mampan.

### Rumusan

Masyarakat orang asli merupakan masyarakat yang istimewa. Kemampuan mereka dalam mengekalkan kelestarian hidup sejak zaman sebelum penjajahan lagi menunjukkan mereka mempunyai karakter yang kuat. Namun, zaman sentiasa berubah, kemajuan makin meningkat sama ada secara fizikal atau rohani. Orang asli perlu bergerak bersama-sama dengan perubahan kemajuan agar mereka tidak ketinggalan dibelakang. Kerajaan mahupun agensi swasta telah memperuntukan jumlah peruntukan yang banyak demi memastikan kelestarian mereka dapat dikekalkan. Pelbagai aktiviti dan usaha pembangunan dilaburkan kepada masyarakat orang asli agar mereka mampu untuk berdikari dan bersaing sihat dengan masyarakat bukan orang asli.

Program dan agenda pembangunan masyarakat orang asli tidak mampu meraih kejayaan sekiranya karakter dan sikap mereka tidak dibangunkan dan dididik dengan betul. Keyakinan diri *self-efficacy* dalam mencetuskan penerimaan pembangunan haruslah dititikberatkan. Karakter ini akan menghasilkan masyarakat orang asli yang berjaya dan tidak berputus asa dalam mengejar kejayaan. Strategi pembangunan karakter dalam pendidikan mereka diperingkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya pengajian tinggi haruslah diusahakan dan diteruskan agar mendorong kepada keyakinan diri mereka. Selain itu, sifat dan pandangan negatif terhadap diri mereka dapat diatasi dengan menonjolkan *role model* dari kalangan mereka sendiri yang telah berjaya dalam pembangunan sosio-ekonomi. Peranan institusi keluarga masyarakat orang asli perlu ditekankan setiap masa bagi memastikan anak-anak orang asli mempunyai karakter yang positif ke arah memajukan diri, keluarga dan seluruh masyarakat orang asli. Ketua kampung orang asli juga harus diberi fokus dalam strategi membangunkan karakter orang asli. Mereka menghormati ketua kampung sebagai pencetus semangat kepada mereka. Segala nasihat dan dorongan yang diberikan oleh ketua kampung didengari dan dijadikan kekuatan untuk terus menempuh dugaan dan cabaran ke arah mencapai kejayaan.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada tajaan penerbitan Geran Penerbitan Kerjasama UMS dan UPSI (TLS2113) yang dibiayai Global Academic Excellence (GAE). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Global Academic Excellence (GAE) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

## Rujukan

- Abas, M. A., Amin, M. F. M., Wei, L. S., & Hassin, N. H. (2020). Community development model for poverty eradication of indigenous people in Malaysia. *International Journal of Society Systems Science*, 12(2), 151.
- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Razaleigh Muhat @ Kawangit, Zulkefli Aini, Badlihisah Mohd.Nasir, M. G. (2019). Readiness, Attitude and Motivation of Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) in the Preaching Activity to Indigenous Peoples in Malaysia. *ISLAMIYYAT*, 41(2), 99–105.
- Ames and R. Ames (Eds.), Research on motivation in education: goals and cognition. San Diego: Academic. pp. 13-44.
- Bandura, A. (1986). Social foundations of thoughts and action. A social cognitive theory. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1994). Self-efficacy. The exercise of control. New York: Freeman.
- Bishop, A. R., Berryman, M. A., Wearmouth, J. B., & Peter, M. (2012). Developing an effective education reform model for indigenous and other minoritized students. *School Effectiveness and School Improvement*, 23(1), 49–70.
- Hatta, Z.A. and Ali, I. (2013). Poverty reduction policies in Malaysia: trends, strategies and challenges. *Asian Culture and History*, Vol. 5, No. 2, p.48.
- Islam, R., Ghani, A.B.A., Abidin, I.Z. and Rayaiappan, J.M. (2017). Impact on poverty and income inequality in Malaysia's economic growth. *Problems and Perspectives in Management*, Vol. 15, No. 1, pp.55–62.
- Kumarsir, L. A., & Shah, P. M. (2020). Teachers Motivation towards Teaching in Rural Indigenous Schools. *International Journal of Multidisciplinary Research and Publications*, 3(5), 20–29.
- Manaf, N.A. and Ibrahim, K. (2017). Poverty reduction for sustainable development: Malaysia's evidence-based solutions. *Global Journal of Social Sciences Studies*, Vol. 3, No. 1, pp.29–42.
- Mustapha, R. B., & Idris, S. (2013). Attributes That Affect Self-Efficacy and Career Development of Orang Asli Youth in Peninsular Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education*, 6(1), 1–24.
- Noriati, A.R., Boon,P.Y., Sharifah Fakhriah & Zuraidah A.M. (2011). Budaya dan pembelajaran. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Rabahi, M., Yusof, H., & Awang, M. (2017). Leading Learning: A Grounded Theory Perspective of the Orang Asli Students' Learning Journey. *Sains Humanika*, 9(1–5), 127–134.
- Rahman, M. N. A., DeWitt, D., Norlidah, A., & Idris, M. R. (2021). Home based education programme for Orang Asli children: An analysis of their educational needs. *Perspectives of Science and Education*, 49(1), 329–337.
- Rotter, J.B. (1966). Generalized expectancies for internal versus external control of reinforcement. *Psychological Monographs*, 80 (Whole No. 609).

- Schunk, D. (1996). Goal and self-evaluative influences during children's cognitive skill learning. *American Educational Research Journal*, 33, 359–382.
- Schunk, D.H. (1991). Self-efficacy and academic motivation. *Educational psychologist*, 26(3 & 4), 207-231.
- Singar, S. N., & Zainuddin, A. (2017). Exploring the school dropout factors among indigenous students in Melaka. *Journal of Administrative Science*, 14(3), 38–50.
- Sulaiman, M. A., Azmi, N. F. M., Ridzuan, A., Aminuddin, A. S., & Saini, N. A. (2020). Differences In Teacher's Perspective On Academic Engagement Among Students Of Orang Asli And Non-Orang Asli Students. *Gading Journal for Social Sciences*, 23(01), 13–23.
- Tomkins, S. S. (1987). Script theory. In J. Aronoff, A. I. Rabin, R. A. Zucker, J. Aronoff, A. I. Rabin, and R. A. Zucker (Eds.) , The emergence of personality. New York, NY: Springer. pp.147-216.
- Vanitha Thanabalan, T., Siraj, S., & Alias, N. (2014). Development of a responsive literacy pedagogy incorporating technology for the indigenous learners in Malaysia. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 13(2), 44–53.
- Wahab, N. A., Jaafar, R., & Sunarti, S. (2020). Involvement of Orang Asli youth in vocational education and training in Malaysia: Aspirations and outcomes. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 10(2), 18–26.
- Walid, N., Noor, N. L. M., Ibrahim, E. N. M., & Ang, C. S. (2017). Potential motivational factors of technology usage for indigenous people in Peninsular Malaysia. *Proceedings - 2016 4th International Conference on User Science and Engineering, i-USEr 2016*, 259–264.
- Yusof, H., Jalil, N. A., Noor, M. A. M., & Awang, M. (2019). Learning Leading of the Aborigine Pupils: Comparative Perceptions between Principals and Teachers in Primary Schools Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 1244–1260.
- Zucker, J. Aronoff, A. I. Rabin, and R. A. Zucker (Eds.) , The emergence of personality. New York, NY: Springer. pp.147-216.